



**MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU**  
**JABATAN LANDSKAP**

**KENYATAAN TAWARAN MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU**

Tawaran adalah dipelawa daripada pembekal/syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia Kod 070303 (Peralatan Dan Kelengkapan Pertanian/Ternakan/Akuatik)** dan tajuk masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut :-

1	NO SEBUTHARGA MBKT SH5/2019	MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PERALATAN UNTUK KEGUNAAN JABATAN LANDSKAP BAGI KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN KAWASAN, MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU BAGI TAHUN 2019.
---	--------------------------------	---

1. Dokumen Sebutharga boleh didapati semasa waktu pejabat di **Jabatan Landskap Majlis Bandaraya Kuala Terengganu, Aras 3, Plaza MBKT Tanjung, Jalan Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu, Terengganu** dengan harga **RM 15/= senaskah ( Tunai / Wang Pos / Bank Draf Sahaja )** Untuk maksud ini pembekal/syarikat hendaklah membawa bersama-sama Sijil Pendaftaran Asal Kementerian Kewangan Malaysia dan **satu salinannya** hendaklah dibawa bersama semasa mengambil **Dokumen Sebutharga**.
2. Satu salinan **Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia** dan Rekod Pengalaman Kerja (Pembekalan) dalam bidang berkaitan hendaklah dikembalikan bersama sebutharga di dalam sampul surat dan dihantar ke alamat:

**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA**  
**KUALA TERENGGANU.**

dengan menulis disebelah luar " **No. Sebutharga seperti contoh MBKT SH. 5/2019** " dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Bahagian Pengurusan Kontrak Dan Pelaburan , Tingkat 1, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu tidak lewat daripada **12.00 tengahari pada 15 April 2019 (Isnin)**.

3. Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima tawaran yang rendah sekali ataupun mana-mana tawaran.
4. Sebutharga ini akan dijual mulai **2 April 2019 (Selasa) hingga 11 April 2019 (Khamis)** pada waktu pejabat sahaja.

5. Pemborong yang berjaya tetapi enggan menjalankan kerja-kerja ini selepas sebutharga disetujuterima atau menarik balik sebutharga selepas keputusan dibuat maka lesen pemborongnya boleh digantung.



**(HAJI SHAHIDAN BIN EMBOK)**

Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.